



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِسلامْ نَغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

18 SYAABAN 1447H/ 06 FEBRUARI 2026M

“DETIK MASA: NIKMAT YANG TIDAK MENUNGGUMU”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمْ لَيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri serta kepada jamaah sekalian, marilah sama-sama kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita semua akan memperoleh rahmat Allah SWT dan menjadi orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Khatib mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: ***“Detik Masa: Nikmat yang Tidak Menunggumu.”***

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT yang telah mengurniakan pelbagai nikmat kepada kita. Nikmat kesihatan, rezeki yang berkat, keluarga yang harmoni, rakan-rakan yang baik merupakan contoh sebahagian kurniaan Allah SWT yang seharusnya kita syukuri. Bahkan jika ingin dikira satu per satu nikmat-nikmat tersebut, sudah tentu kita tidak akan mampu untuk menghitungnya. Pada kesempatan kali ini, khatib ingin mengajak jamaah sekalian untuk merenung dan mengambil perhatian terhadap satu lagi nikmat yang Allah SWT kurniakan kepada kita semua, iaitu nikmat masa.

Sememangnya nikmat masa merupakan salah satu perkara yang amat perlu diambil perhatian dalam kehidupan seharian kita. Dalam al-Quran, sering kali Allah SWT bersumpah dengan masa, sama ada secara umum, mahupun secara khusus. Apabila diteliti ayat-ayat kitab suci al-Quran, dapat dilihat bahawa Allah bersumpah dengan lafaz Demi Masa, Demi Waktu Dhuha, Demi Waktu Fajar, Demi Waktu Malam dan seumpamanya. Ulama tafsir menjelaskan bahawa apabila Allah SWT bersumpah dengan sesuatu dalam al-Quran, maka hal ini menunjukkan keistimewaan dan fadhilat yang ada pada perkara tersebut. Oleh itu, betapa pentingnya bagi kita untuk menyedari dan mengambil perhatian terhadap setiap detik waktu yang dikurniakan kepada kita semua.

JAMAAH JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH SWT,

Setiap detik yang dijadikan mempunyai tujuan dan hikmahnya tersendiri. Waktu siang dijadikan sebagai waktu untuk bekerja mencari rezeki, sementara waktu malam dijadikan sebagai waktu untuk merehatkan tubuh badan serta mengumpul semula tenaga. Demikianlah juga dengan waktu-waktu lain yang pasti ada hikmah dan keutamaan yang perlu

diberikan perhatian. Inilah rahmat Allah SWT, sepertimana disebutkan dalam surah al-Qasas, ayat 73:

وَمِنْ رَّحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

Maksudnya: Dan di antara rahmat pemberian-Nya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti supaya kamu berehat pada-Nya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya, dan juga supaya kamu bersyukur.

Daripada ayat ini, dapat difahami bahawa, kita perlu memahami keutamaan bagi setiap detik yang kita lalui dalam kehidupan kita. Perkara-perkara yang penting perlu didahulukan, sementara perkara-perkara yang tidak bermanfaat hendaklah dielakkan. Dalam erti kata yang lain, cara untuk kita mensyukuri nikmat masa yang dikurniakan kepada kita adalah dengan menguruskan masa sebaiknya.

MUSLIMIN JAMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Rasulullah SAW pernah berpesan dalam hadis baginda yang diriwayatkan oleh Saidina Ibnu Abbas, baginda bersabda:

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ: الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ.

Maksudnya: Dua nikmat yang kebanyakan manusia tertipu pada keduanya: kesihatan dan masa lapang. (Riwayat al-Bukhari)

Pesanan Rasulullah SAW ini amat penting untuk kita hayati, agar kesihatan dan masa lapang yang kita miliki dapat kita gunakan dengan sebaiknya. Masa yang kita miliki seharusnya diisi dengan perkara-perkara

kebaikan dan bermanfaat. Dalam masa yang sama, keseimbangan antara kesibukan urusan harian dengan ibadah juga perlu dipelihara. Janganlah disebabkan kesibukan kerja menyebabkan kita mengabaikan tanggungjawab ibadah kita kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama, segala amanah tanggungjawab harian kita, sama ada sebagai pekerja, peniaga, pelajar dan seumpamanya masih tetap perlu kita laksanakan dengan sebaiknya. Dalam hal ini, Allah SWT telah memberikan panduan kepada kita melalui firman-Nya dalam surah al-Jumu'ah, ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Dalam tafsir al-Waseeth, Imam Muhammad Sayyid Tantawi menjelaskan bahawa, apabila kita meneliti ayat ini, dapat dilihat panduan keseimbangan yang tinggi bagi seorang muslim antara tuntutan agama dan keperluan dunia. Ayat ini memerintahkan manusia untuk berusaha mencari rezeki, selepas menumpukan sepenuh perhatian terhadap kewajipan melaksanakan solat Jumaat. Dalam masa yang sama, kesibukan bekerja mencari rezeki itu, janganlah sampai menyebabkan kelalaian daripada mengingati Allah SWT.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sebagai kesimpulannya, begitulah seharusnya usaha yang perlu kita lakukan dalam kita mensyukuri nikmat masa. Setiap detik waktu yang masih kita miliki ini seharusnya diuruskan dengan sebaiknya. Manfaatkan sepenuhnya masa kita untuk menjalankan tanggungjawab serta amanah harian kita untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dalam masa yang sama, solat lima waktu jangan pernah kita tinggalkan. Kitab al-Quran kita jadikan teman. Dalam kesibukan menjalankan tanggungjawab dan kerja harian, jangan kita biarkan berlalu kosong tanpa kita melafazkan zikir mengingati Allah Yang Maha Memberi Rezeki. Mudah-mudahan setiap detik kehidupan kita menjadi bekal ibadah di sisi Allah SWT. Sama-sama kita hayati firman Allah dalam surah al-Asr, ayat 1 hingga 3:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَّصَّوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَّوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Maksudnya: *Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian – Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.*

Ingatlah saudaraku sekalian, bukan kekurangan harta yang menjadikan kita rugi, tetapi yang menjadikan kita rugi adalah apabila kita membiarkan detik waktu kita berlalu pergi tanpa diisi dengan iman, amal dan ketaatan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat

yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Syaaban dan temukanlah kami pada bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

No. Telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com